

BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.1 Keadaan Kehidupan Keluarga Ibu Tunggal - (Kajian Tempatan)

Kajian lepas tentang ibu tunggal telah disentuh oleh Rohaty Mohd. Majzub dan Muhd. Rais Abd. Rahim (1999), yang membincangkan tentang dilemma ibu tunggal yang menghadapi kehidupan mereka. Menurut kajian, permasalahan ibu tunggal semuanya menjurus kepada masalah sosial sekiranya masyarakat tidak prihatin terhadap masalah yang menimpa golongan tersebut. Masalah utama yang sering dihadapi oleh golongan ini ialah kepentingan anak-anak mereka terutama sekali ibu tunggal yang kurang bernasib baik. Justeru itu, ibu tunggal menghadapi kemelut krisis jiwa seperti gangguan mental dan juga gangguan emosi

Sharifah Sofiah ‘Atiqah Syed Ibrahim dan Azmi Shaari (2002), juga telah melakukan satu kajian tentang permasalahan ibu tunggal. Kajian yang dijalankan itu bertujuan untuk melihat faktor kemiskinan dan taraf kehidupan di kalangan ibu-ibu tunggal serta faktor sokongan terhadap golongan tersebut. Ianya juga bertujuan untuk

melihat faktor ketahanan diri di kalangan ibu tunggal memandangkan mereka terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dalam proses membesar anak-anak.

Dalam kajian tersebut, seramai 120 orang responden telah dipilih sebagai sampel yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Mereka dipilih dari pendaftaran Bantuan Am dan Bantuan Kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Seramai 64 orang ibu tunggal terlibat. Borang soal selidik dan soalan digunakan dalam kajian ini yang berkait dengan faktor kemiskinan, faktor sokongan sosial dan juga faktor ketahanan diri di kalangan ibu tunggal.

Hasil dapatan kajian tersebut, mengatakan kebanyakan daripada subjek tidak merasakan bahawa tanggungan anak sebagai bebanan yang besar tetapi mereka mengalami bebanan kewangan sekiranya mereka tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Bebanan kewangan akan bertambah sekiranya untuk memenuhi keperluan anak-anak di musim-musim tertentu seperti di awal persekolahan dan juga di musim perayaan sekiranya tanggungan anak adalah ramai. .

Nordin Mohd. Nor (1986) telah membuat kajian tentang masalah pelajar daripada keluarga terpisah di Terengganu. Perpisahan ini disebabkan oleh perceraian, kematian dan krisis keluarga. Subjek kajian ialah 200 orang pelajar di beberapa buah sekolah menengah. Mereka terdiri daripada 117 orang pelajar lelaki dan 83 orang pelajar perempuan dan kesemuanya beragama Islam. Alat yang digunakan ialah Senarai Semak Masalah Mooney. Hasil kajian beliau mendapati pelajar yang datang daripada keluarga ibu tunggal yang terpisah sering mengalami masalah kewangan, tidak ada tempat mengadu, tekanan emosi, masalah pergaulan dengan rakan sebaya. Sehubungan dengan itu, beliau membuat rumusan bahawa perceraian ibu bapa dan perpisahan keluarga menyebabkan tekanan jiwa di kalangan anak-anak.

Anak yang tinggal dalam keluarga ibu tunggal tidak mendapat kasih sayang yang secukupnya. Ini menjaskan perkembangan diri individu secara menyeluruh dari aspek fizikal, intelektual dan sosial. Kekurangan kasih sayang juga boleh mengganggu perkembangan personaliti individu. Menurut Rohaty Mohd. Majzub dan Muhd. Rais Abd. Karim (1999), kanak-kanak daripada keluarga ibu tunggal sukar untuk melafazkan perasaan mereka. Ini disebabkan mereka takut untuk menyinggung perasaan salah seorang daripada pasangan ibu bapa.

2.2 Keadaan Kehidupan Keluarga Ibu Tunggal - (Kajian Luar Negara)

Kadar perceraian yang tinggi dan perkahwinan semula oleh pasangan yang telah bercerai mengubah institusi keluarga di Amerika. Kelahiran bayi juga meningkat hasil daripada perhubungan luar nikah, perceraian ibu bapa, perkahwinan semula dan seterusnya perceraian sekali lagi. Hasil daripada tragedi tersebut, sekurang-kurangnya separuh daripada anak membesar dan tinggal bersama dengan ibu yakni ibu tunggal (Bumpass, 1984; Castro-Martin & Bumpass, 1999).

Bilangan keluarga yang diketuai oleh wanita di Amerika telah meningkat sebanyak tiga kali ganda. Pada tahun 1970, terdapat 3.8 juta keluarga tunggal dengan anak berumur di bawah 18 tahun, dan pada tahun 1992, pula terdapat 10.5 juta keluarga tunggal sepertimana yang dilaporkan dalam U.S. Bureau of the Census, 1992. Komposisi keluarga juga meningkat dengan kadar penceraian, kadar kelahiran yang tinggi di kalangan ibu-ibu yang belum berkahwin dan wanita yang sudah lanjut usia.

Kajian luar negara juga menunjukkan pertambahan bilangan ibu tunggal yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Perbandingan yang dilakukan di antara rakyat Amerika yang berkulit putih dan hitam pada tahun 1970 -1999 menunjukkan bahawa peningkatan jumlah ibu tunggal adalah lebih tinggi berlaku di kalangan warganegara berkulit hitam, di mana ia meningkat daripada 33% kepada 55.6%, berbanding warganegara kulit putih yang hanya mengalami peningkatan sebanyak 8.9% hingga 18.1% sahaja (Jayakody, Chatters & Taylor, 1993). Kajian juga menunjukkan bahawa kanak-kanak yang berkulit hitam lebih cenderung untuk tinggal bersama ibu mereka berbanding dengan bapa selepas sesuatu perceraian, kematian atau sebagainya.

Kajian yang yang dilakukan di negara Kanada juga menunjukkan pertambahan bilangan keluarga tunggal, di mana pada tahun 1991, statistik menunjukkan bahawa satu daripada lima buah keluarga adalah diketuai oleh ibu atau bapa tunggal. Walaubagaimanapun, lebih daripada 80% keluarga adalah diketuai oleh ibu tunggal dengan 1/3 daripada mereka berumur di bawah 35 tahun (Bourdais, Desrosiers & Laplante, 1996).

Menurut Furstenberg & Nord, 1985; Seltzer, 1991, perhubungan ibu dengan anak selepas penceraian sering bermasalah. Perluangan masa dan perhubungan yang berkuantiti dan berkualiti bersama dengan anak di antara ibu tunggal atau bapa tunggal juga berkurangan mengikut peredaran masa. Furstenberg dan Nord, 1985; Seltzer, 1991, mendapati ibu tunggal sering menunjukkan tanda-tanda tekanan terhadap anak mereka. Kajian seterusnya oleh Hetherington, Cox & Cox (1982), juga mendapati ibu yang telah bercerai selepas setahun kurang menunjukkan kasih sayang kepada anak mereka, kurang berkomunikasi, mendenda anak mereka secara kasar, kurang berpendirian dari segi disiplin dan kawalan berbanding dengan ibu-ibu yang masih tinggal bersama dengan suami.

Shaw, Emery & Tuer (1993), telah melakukan kajian ke atas 133 buah keluarga ibu tunggal yang terdiri dari kelas tinggi-sederhana di New York dan mempunyai anak remaja. Shaw dan rakan-rakannya melaporkan ibu-ibu tunggal kurang memberi perhatian dan mengamalkan sikap penolakan terhadap anak lelaki mereka berbanding dengan ibu yang masih berkahwin dan tinggal bersama dengan suami. Weinraub dan Wolf (1987), mendapati bahawa ibu-ibu tunggal yang membesarakan anak mereka secara solo terpaksa bekerja lebih masa, menempuh tekanan hidup dan kurang mendapat

sokongan dan bantuan dari segi emosi dan juga dari segi peranan keibubapaan. Sehubungan dengan itu, anak-anak yang tinggal dalam keluarga ibu tunggal mengalami kerunsingan dan tingkah laku anti sosial di mana keadaan ini sangat ketara di kalangan pelajar lelaki berbanding dengan pelajar perempuan.

Dreman (1994) telah melakukan kajian ke atas keluarga yang mengalami penceraian untuk melihat persepsi penceraian ibu tentang keluarga dan penyesuaian terhadap masalah tingkah laku anak mereka. Seramai 337 ibu tunggal Yahudi dari Israel terlibat dalam kajian ini. Ibu-ibu ini mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak di antara umur 11 hingga 18 tahun. Seramai 60 anak perempuan dan 59 anak lelaki juga terlibat. Min umur ibu ialah 41.87 tahun manakala untuk anak pula 14.92 tahun. Instrument Family Adaptability and Cohesion Evaluation Scales (FACES III) digunakan. Hasil kajian tersebut melaporkan ibu yang mempunyai perhubungan dan kadar penyesuaian yang tinggi terhadap keluarga, kurang mempunyai masalah dengan anak mereka, tetapi anak dari keluarga ibu tunggal ini dilaporkan mempunyai masalah tingkah laku dalam perhubungan dan penyesuaian terhadap keluarga.

Rothbaum dan Weisz (1994) menjalankan meta-analisis ke atas 47 buah kajian yang bertujuan untuk menyelidik perhubungan di antara tingkah laku ibu bapa dan masalah tingkah laku luaran anak dalam sampel bukan-klinikal. Mereka melaporkan bahawa anak yang tinggal dengan kedua-dua ibu bapa mempunyai masalah tingkah laku yang rendah berbanding dengan anak daripada keluarga pincang. Hasil dapatan merumuskan bahawa dalam keluarga yang terdiri daripada kedua-dua ibu dan bapa mereka mampu memberikan anak mereka keselesaan hidup, kawalan emosi yang jelas dan kawalan berbanding dengan keluarga yang cuma terdiri daripada seorang penjaga sahaja.

John Stuart Mill yang lebih dikenali bagi “*experiment in living*” telah mengendalikan banyak kajian tentang keluarga selama 30 tahun. Dalam laporan kajian yang diperolehi melalui (<http://www.civitas.org.uk/pubs/experiments.php>) mengatakan ibu tunggal mengalami penderitaan seperti tekanan, kemurungan dan masalah emosi serta psikologi yang lain. Beliau mengatakan bahawa pada umur 33 tahun, ibu-ibu yang telah bercerai dan ibu yang tidak berkahwin adalah 2.5 kali lebih mengalami masalah kesedihan psikologi daripada ibu-ibu yang berkahwin. Mengikut Cockett dan Tripp (1994), ibu tunggal juga dilaporkan mengalami masalah dengan sistem saraf. Benzeval

(1998), juga melaporkan ibu-ibu tunggal masih signifikan terhadap masalah kesihatan daripada ibu-ibu yang masih bersuami.

Ibu tunggal dilaporkan sering bimbang dan kurang berpuas hati dengan corak kehidupan mereka berbanding dengan ibu yang berkahwin dan wanita yang tidak mempunyai anak (McLanahan & Adams 1987). Ini ditambah dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Belle (1982), ibu-ibu tunggal sering menggunakan perkhidmatan kesihatan mental komuniti daripada ibu-ibu yang berkahwin. Kadar kebimbangan psikologi yang tinggi juga dialami oleh ibu-ibu tunggal.

Amato (1993), melaporkan remaja yang tinggal dengan keluarga ibu tunggal juga kehilangan sumber ekonomi, kehidupan yang menekan di mana mereka terpaksa mengadaptasi kepada situasi keluarga tanpa bapa. Masalah tingkah laku juga ketara di mana remaja daripada keluarga ibu tunggal lebih terdedah kepada masalah dalaman dan luaran, konsep kendiri yang rendah, prestasi akademik yang rendah, masalah interaksi sosial dan tingkah laku delinkuen.

Landis, 1960; dan Sorosky, 1977 dan Wallerstein & Kelly 1980, juga melaporkan remaja daripada keluarga ibu tunggal lebih terdedah kepada masalah sosial termasuk miskin, penglibatan dalam jenayah dan mereka juga didapati kurang berkeyakinan diri dari segi kebolehan mereka dalam menjalankan perhubungan dengan remaja yang berlainan jantina.

Kestabilan ekonomi dengan kadar pandapatan yang rendah di kalangan ibu tunggal, kurang sokongan daripada bekas suami terhadap anak, kurang bantuan dan sokongan dari masyarakat sekeliling membawa implikasi yang negatif terhadap anak remaja. Lantaran itu, mereka gagal untuk menyesuaikan diri dengan alam kedewasaan berbanding dengan remaja yang tinggal dengan kedua-dua ibu bapa. McLanahan dan Adams (1987), mengatakan ibu tunggal mempunyai nilai dan ekspektasi yang berbeza daripada keluarga yang terdiri daripada suami dan isteri. Memandangkan ketidakstabilan pendapatan dan sumber-sumber yang terhad, ibu-ibu tunggal didapati mempunyai aspirasi pendidikan yang rendah untuk anak-anak mereka berbanding dengan ibu-ibu yang tinggal bersama dengan suami. Ini berkemungkinan disebabkan kerana ibu-ibu tunggal merupakan pencari nafkah untuk seluruh isi keluarganya.

Hetherington, Cox dan Cox (1978), dalam teori sosialisasi telah menunjukkan bahawa pada tahun pertama selepas penceraian, ibu tunggal kurang berpendirian dari segi disiplin dan urusan rumah tangga menjadi tidak tentu arah. Teori ini juga mengatakan bahawa ibu-ibu tunggal lebih menerima penceraian dan anak luar nikah dan sehubungan dengan itu, juga anak-anak mereka dengan sendirinya menjadi ibu atau bapa tunggal. Mereka mengatakan bahawa ibu-ibu tunggal kurang berpengaruh terhadap tingkah laku anak mereka kerana pengalaman sendiri dari segi perapatan, penglibatan dan pemantauan ibu bapa.

“The Economic-Deprivation Argument” oleh Becker (1981), mengatakan bahawa ramai pengkaji mendapati ibu-ibu tunggal kurang mempunyai wang untuk diberikan kepada anak mereka di mana ini mengugat ciri-ciri peribadi anak mereka dan pengurusan rumah tangga. Didapati juga kebanyakan ibu tunggal tidak bekerja sepenuh masa. Memandangkan kepada masalah kewangan oleh mereka, data kebangsaan bantuan kewangan ke atas anak pada tahun 1983 melaporkan bahawa cuma 58% ibu tunggal yang mempunyai anak yang berumur di bawah 21 tahun menerima bantuan seperti ini, 50% daripada mereka menerima bayaran bantuan penuh manakala 26% menerima bayaran bantuan separuh dari 24% lagi tidak menerima apa-apa bantuan (Garfinkel &

McLanahan, 1986). Tambahan kepada kesukaran pragmatik yang disusuli dengan penurunan sumber ekonomi, penurunan mobiliti merupakan punca utama bagi tekanan bagi ibu-ibu yang telah bercerai (Newman, 1988). Dalam siri temubual secara intensif oleh Arendell (1986), mendapati bahawa wanita-wanita yang telah bercerai kerap bergelumang dengan keresahan yang disebabkan oleh masalah kewangan.

Bagi ibu-ibu yang miskin, mereka terpaksa menempuh masalah kewangan yang kronik dan ini seterusnya membawa kepada pelbagai reaksi seperti tekanan, marah, kecewa dan tidak ada bantuan daripada sesiapa pun (Bruce, Takeuchi & Leaf, 1991 dan Kessler, 1982 dan McLoyd, 1990). Seterusnya, menurut Brody, Stoneman, Flor, McCrary, Hastings & Conyers, 1994; dan Conger & Rutter, 1990, masalah kewangan merenggangkan lagi hubungan ahli keluarga.

Kajian yang dijalankan oleh Takeuchi, Williams & Adair, 1991 telah mengkaji kanak-kanak yang berumur 7 hingga 11 tahun dalam National Survey of Children pada tahun 1976 dan 1981, dan mendapati kanak-kanak daripada keluarga pincang mengalami masalah kewangan, mengalami simptom kekecewaan yang tinggi juga. Keadaan ini

membawa kepada kehilangan kasih sayang dan keprihatinan oleh ibu tunggal yang disebabkan oleh masalah kewangan yang dihadapinya.

Kajian oleh Brody, Stoneman dan Flor (1995), mendapati terdapat hubungan di antara taraf pendidikan ibu terhadap prestasi dan penglibatan dalam akademik anak. Taraf pendidikan mempunyai pertalian yang kuat di mana ia menjadikan seseorang ibu lebih bertanggungjawab, peka dan mengamalkan gaya perhubungan secara menyokong dan harmoni kepada anaknya. Tahap pendidikan yang tinggi menyebabkan ibu-ibu lebih terdedah dan peka terhadap konteks sekolah dan mereka akan lebih mengambil bahagian dalam aktiviti sekolah dan menghadiri perjumpaan atau konferens dengan guru.

2.3 Masalah-masalah Pelajar Remaja - (Kajian Tempatan)

Di Malaysia, terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan ke atas masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar remaja. Kajian awal telah dijalankan oleh Rohana Zubir (1974), ke atas 320 orang pelajar lelaki dan 320 pelajar perempuan. Pelajar-pelajar tersebut adalah daripada dua buah sekolah menengah di Petaling Jaya dan enam buah sekolah di Kuala Lumpur. Senarai soal selidik Masalah Mooney telah digunakan

sebagai alat kajian. Masalah yang paling utama yang dihadapi oleh pelajar dalam kajian tersebut ialah masalah penyesuaian kerja sekolah, masalah mengenai masa depan dan kerjaya, peribadi dan psikologi, masalah kewangan, keadaan hidup dan penyesuaian harian, bidang pelajaran dan cara pengajaran, hubungan sosial psikologi, kegiatan sosial, hiburan, moral, agama, jantina, perkahwinan, kesihatan dan pertumbuhan jasmani.

Chiam Heng Keng (1979), telah menggunakan soal selidik Mooney yang terdiri daripada 330 item untuk mengenal pasti masalah di kalangan 57 pelajar lelaki dan perempuan dari Tingkatan 4 di beberapa buah bandar di Malaysia. Pelajar lelaki didapati mempunyai masalah penyesuaian terhadap kerja sekolah, masalah perhubungan sosial psikologikal, kurikulum dan cara mengajar. Perkara yang kurang menjadi masalah pada mereka ialah kesihatan dan perkembangan fizikal, seks, perkahwinan, moral dan agama. Chiam merumuskan bahawa masalah remaja di Malaysia adalah menyerupai dengan masalah remaja di negara Barat dalam banyak perkara. Mereka selalu dilaporkan bimbang, rasa tidak selamat, terlalu emosional dan memerlukan kasih sayang serta ingin berdikari.

Chiam Heng Keng dan Nik Aziz Nik Pa (1982) telah menjalankan kajian terhadap 977 orang pelajar lelaki dan perempuan daripada lima buah sekolah iaitu tiga buah sekolah di Kuala Lumpur dan sebuah sekolah pula di Kajang. Mereka telah menggunakan soal selidik Mooney yang telah diubahsuai. Tujuan kajian mereka ialah untuk menentukan samada pelajar di sekolah menghadapi masalah dalam bidang sifat fizikal, personaliti, perkembangan moral, hubungan sosial, masalah psikologi, masalah kasih sayang dan masalah rumah tangga. Hasil dari kajian mereka menunjukkan para remaja lebih menitikberatkan wajah mereka daripada bentuk fizikal, terutama sekali bagi pelajar-pelajar perempuan yang dari sekolah perempuan.

Pelajar lelaki dan perempuan mempunyai ciri-ciri personaliti seperti pendiam, sensitif, malu, rasa rendah diri dan kurang yakin pada diri sendiri. Mereka juga berasa bimbang dan khuatir tentang masa depan mereka. Dilihat dari segi perkembangan moral pula, kajian menunjukkan bahawa mereka lebih menitikberatkan tingkah laku akhlak orang lain. Dalam aspek hubungan sosial, pelajar-pelajar berasa puas hati dengan kebolehan sosial mereka dan tidak mempunyai masalah serius dalam pergaulan.

Sufean Hussin dan Che Zainon Omar (2002) telah menjalankan kajian ke atas 30 orang pelajar Melayu daripada keluarga ibu tunggal di Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya. Hasil kajian, mereka mendapati bahawa kategori masalah yang amat mengganggu pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal ialah kategori i) masalah penyesuaian diri dengan persekolahan, ii) masalah hubungan peribadi dan iii) personaliti dan masalah rumah dan keluarga.

2.4 Masalah-masalah Pelajar Remaja - (Kajian Luar Negara)

Satu kajian yang paling awal yang dilakukan ke atas masalah remaja di Amerika Syarikat telah dijalankan oleh Symonds pada tahun 1936. Beliau telah menggunakan seramai 1,541 orang pelajar untuk menyusun masalah mengikut kepentingannya. Masalah itu meliputi bidang-bidang seperti masalah kesihatan, jantina, keamanan, kewangan, kesihatan jiwa, kebiasaan pelajar, masalah menggunakan masa lapang, moral, sifat peribadi, daya penarik, pekerjaan, masalah penyesuaian diri dan masalah falsafah hidup.

Dalam kajian itu beliau telah membuat kesimpulan bahawa masalah yang paling kerap dihadapi oleh pelajar ialah masalah kewangan, masalah kesihatan, daya penarik, cepat marah, masalah peribadi. Sebaliknya, masalah yang kurang dihadapi ialah masalah jantina, masalah pekerjaan dan kehidupan sosial.

Weinraub dan Wolf (1983) telah menjalankan kajian terhadap sampel pra sekolah ke atas 43 pasangan ibu dan anak dimana 21 pasangan ibu dan anak terdiri daripada keluarga ibu tunggal manakala 21 lagi pasangan tinggal dengan kedua-dua ibu bapa. Beliau telah menjalankan kajian susulan ke atas kanak-kanak tersebut sehingga mereka meningkat ke tahap pra remaja. Bagi melihat persepsi anak, "*The Self-Perception Profile for Children*" telah ditadbirkan kepada setiap anak. Sebanyak 36 soalan yang merangkumi domain diri seperti kecekapan akademik, penerimaan social dan kecekapan masalah tingkah laku. "*The Child Behavior Checklist (CBCL – Achenbach, 1978)*" yang merangkumi 118 item senarai semak masalah tingkah laku digunakan. Senarai semak tersebut telah dilengkapkan oleh para ibu terhadap anak mereka dan juga oleh guru pelajar yang terlibat. Hasil kajian tersebut ialah, guru-guru menerangkan bahawa anak daripada keluarga ibu tunggal mempunyai kecekapan sosial yang rendah, dengan insiden yang tinggi bagi masalah tingkah laku luaran. Mereka juga sering mempunyai

masalah tingkah laku pada keseluruhannya. Pelajar lelaki daripada keluarga ibu tunggal kurang terserlah dari segi akademik berbanding dengan mereka yang tinggal bersama-sama dengan kedua-dua ibu bapa.

Satu kajian jangka panjang telah dijalankan oleh Hetherington (2002) yang melibatkan 1,400 buah keluarga di Amerika Syarikat. Beliau mendapati bahawa 20% hingga 25% kanak-kanak daripada keluarga yang telah bercerai menunjukkan kesan kekecewaan yang berpanjangan, impulsif, kurang bertanggungjawab dan masalah tingkah laku anti-sosial berbanding dengan 10% kanak-kanak yang tinggal dengan ibu dan bapa.

Menurut Cawson (2002), dengan berpandukan kepada data yang diperolehi daripada National Survey for the Prevention of Cruelty to Children (NSPCC), melaporkan bahawa orang muda yang tinggal dengan penjaga tunggal mengalami masalah penderaan fizikal dan gangguan emosi sebanyak lima kali ganda daripada kanak-kanak yang tinggal dengan kedua-dua ibu bapa.

Amato dan Keith (1991), telah menjalankan kajian meta-analisis berhubung dengan kesan jangka panjang perceraian ibu bapa untuk melihat kesejahteraan diri. Kesan saiz dikira untuk 15 jenis pembolehubah merentasi 37 kajian. Kajian tersebut melibatkan seramai 81,000 individu yang berumur di antara lingkungan umur 18 tahun. Individu yang terlibat dalam kajian terdiri daripada dua kumpulan. Kumpulan pertama ialah individu daripada pasangan ibu bapa yang telah bercerai, manakala kumpulan perbandingan pula tinggal bersama dengan ibu kandung. Hasil keputusan mendapati, terdapat tanda negatif yang menunjukkan kumpulan pertama daripada keluarga tunggal mendapat skor yang rendah berbanding dengan individu yang tinggal dengan ibu bapa. Kumpulan kedua pula menunjukkan tanda-tanda positif dalam kesejahteraan diri. Majoriti daripada kesan saiz adalah negatif iaitu 84% dan 91%, di mana ini menunjukkan bahawa individu dari kumpulan pertama pada keseluruhannya mempamerkan tahap kesejahteraan diri yang rendah berbanding dengan kumpulan kedua. Berpandukan kepada data tersebut, dilaporkan bahawa perceraian ibu bapa mempunyai kesan negatif dalam kualiti hidup individu. Antara kesan-kesan ke atas kesejahteraan diri ialah seperti kesedihan, kepuasan hidup yang rendah dan tahap pencapaian yang rendah.

Teori perkembangan remaja pula mengatakan bahawa zaman remaja adalah dipenuhi dengan pelbagai cabaran hidup. Hines (1997), telah menjalankan kajian kes ke atas dua remaja perempuan daripada keluarga yang telah bercerai dan mendapati bahawa remaja tersebut, pada peringkat awal proses penceraian, mempamerkan masalah dalaman seperti sedih dan sikap pengunduran serta tidak berkeupayaan untuk mengatasi masalah yang berlaku pada dirinya.

Satu kajian telah dijalankan oleh “*National Centre for Education Statistic (NCES)*” pada tahun 1988 untuk melihat kesejahteraan diri anak semasa proses perceraian ibu bapa. Pelajar-pelajar terdiri dari bangsa Asia, pelajar berkulit hitam, India-Amerika dan pelajar Hispanic berkulit putih. Sun dan Li (2002), melaporkan hasil kajian tersebut dengan menggunakan tiga gelombang tahun iaitu 1988, 1990 dan 1992. yang bersinambungan dari kajian “*National Education Longitudinal Study of 1988*”. Pada tahun pertama 1988 – seramai 24,000 pelajar gred 8 di Amerika terlibat dalam kajian ini. Kajian ini seterusnya disambung pada tahun 1990 dan 1992. Sampel pada ketika itu berada dalam gred 10 dan 12. Sampel yang berjaya dikenalpasti dan dikaji semula ialah seramai 9,524 orang pelajar pada tahun 1990 dan 1992. Responden dalam kajian pada tahun 1990 dan 1992 dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu (a) kumpulan 1

– seramai 555 orang pelajar yang tinggal dengan ibu bapa kandung pada tahun 1988 dan tahun 1990 tetapi mengalami perceraian ibu bapa di antara tahun 1990 dan 1992; (b) kumpulan 2 – seramai 527 yang tinggal dengan ibu bapa kandung pada tahun 1988, tetapi mengalami penceraian ibu bapa pada tahun 1990, dan tinggal dengan ibu atau bapa tunggal atau dengan ibu atau bapa tiri ataupun penjaga pada tahun 1992; (c) Kumpulan 3 – seramai 8,442 orang pelajar yang masih tinggal dengan kedua-dua ibu bapa kandung sepanjang tahun 1988 hingga 1992

Tujuh indikator digunakan untuk mengukur tahap kesejateraan diri pelajar dalam dua bidang iaitu pencapaian akademik/aspirasi pendidikan dan kesejahteraan diri. Bagi bidang pertama – pencapaian akademik, pengkaji memasukkan skor ujian kognitif pelajar untuk subjek Matematik, Sains, pembacaan dan pembelajaran sosial dengan menggunakan “*Item Response Theory (IRT)*” yang dikira berbanduan jawapan betul yang diperolehi.

Bagi mengukur “ aspirasi pendidikan “ pula mereka ditanyakan soalan berkenaan dengan tahap yang boleh mereka capai di sekolah dengan menggunakan skala 1 = kurang daripada sekolah tinggi (*High School*) ; 6 = ijazah (*Graduate Degree*). Hasil keputusan

yang diperolehi pada tahun 1992 mendapati bahawa semua pelajar mempunyai tahap yang tinggi terhadap aspirasi pendidikan berbanding dengan tahun 1988. Analisa keputusan juga menunjukkan bukti yang kukuh bahawa gangguan perkahwinan memberi kesan kepada anak, sebagai proses yang bersinambungan sebelum dan selepas perceraian berbanding dengan rakan sebaya yang tinggal bersama dengan kedua-dua ibu bapa. Pelajar-pelajar daripada keluarga yang sedang melalui proses perceraian memperolehi skor yang rendah dalam keempat-empat ujian akademik dan juga dalam aspirasi pendidikan. Kesan negatif juga dapat dilihat dari sudut lokus kawalan. Konsep kendiri juga didapati sangat rendah di kalangan pelajar ini. Hasil perbincangan kajian jangka panjang ini mengatakan bahawa kesan keluarga memainkan peranan yang sangat penting kepada pelajar.

Kajian yang telah dilakukan oleh Entwistle dan Hayduk (1992) selama 2 tahun ke atas sampel dari sekolah Baltimore yang meliputi seramai 55% pelajar kulit hitam dan 45% kulit putih yang terdiri daripada pelbagai tahap sosio-ekonomi. The California Achievement Test (CAT) telah digunakan untuk melihat skor bacaan kefahaman dan penyelesaian masalah matematik. Hasil kajian, mereka mendapati bahawa kanak-kanak daripada keluarga ibu tunggal mempunyai tahap ekspetasi yang rendah.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja daripada keluarga ibu tunggal dikatakan mengalami perhatian sosial yang rendah, kekurangan stimulasi dan '*role model*' kerana ketidakhadiran bapa dalam keluarga tersebut. Para remaja daripada keluarga ibu tunggal juga ketagih kasih sayang dan ketiadaan kasih sayang menyebabkan dirinya terasa hambar dan kecewa.

Block dan rakan-rakannya (1986), telah menjalankan satu kajian jangka panjang yang mengambil sampel dari dua buah taska. Beliau telah mengkaji personaliti dan masalah tingkah laku kanak-kanak dari 101 buah keluarga, di mana 41 buah keluarga sedang mengalami keretakan rumah tangga ketika itu. Hasil kajian beliau mendapati bahawa anak lelaki daripada keluarga yang sedang mengalami pergolakan adalah lebih agresif, mudah terpengaruh, bimbang yang tidak boleh dijangka dan tidak mematuhi orang lain berbanding dengan anak yang masih tinggal bersama dengan kedua-dua ibu bapa.

Satu kajian yang dijalankan oleh Doherty dan Needle (1991), pula membandingkan kesejahteraan psikologikal dan pengambilan bahan yang memudaratkan kesihatan untuk 48 remaja yang terlibat sebelum dan selepas perceraian ibu bapa mereka

dengan 578 kes kawalan di mana ibu bapa masih tinggal bersama. Apa yang menarik ialah remaja perempuan didapati menunjukkan tanda-tanda tidak dapat menyesuaikan diri sebelum kerenggangan rumah tangga; tetapi remaja lelaki didapati lebih terjejas selepas perceraian ibu bapa mereka.

Cherlin, Furstenberg, Chase-Lansdale, Kierman, Robins, Morrison & Teitler (1991), dalam kajian keluarga yang melibatkan sampel besar dari Britain yang dikumpulkan pada tahun 1960 melaporkan bahawa keluarga kanak-kanak remaja yang mengalami pergolakan keluarga di antara umur 7 – 11 tahun, mempamerkan masalah tingkah laku dan masalah akademik yang tinggi berbanding dengan rakan sebaya yang tinggal bersama dengan keluarga. Kajian terbaru yang dijalankan oleh Sun dan Li (2001), telah menguji terus samada pergolakan keluarga memberi kesan kepada skor akademik kanak-kanak. Pengkaji mendapati bahawa remaja lelaki dan perempuan daripada keluarga pincang tidak memperolehi keputusan yang baik dalam akademik berbanding dengan rakan sebaya daripada keluarga yang mempunyai ibu dan bapa. Kajian itu juga telah mendapati bahawa remaja daripada keluarga pincang mengalami masalah yang serius dalam empat aspek iaitu akademik, kesejahteraan diri, tingkah laku di sekolah dan penglibatan dengan bahan-bahan yang memudaratkan kesihatan. Sampel

dari sekolah Baltimore yang terdiri daripada 55% pelajar berkulit hitam dan 45% pelajar berkulit putih daripada keluarga tunggal mengulang semula gred dengan lebih kerap, tercicir dari sekolah lebih awal dan pada keseluruhannya tidak memperoleh prestasi akademik yang baik berbanding dengan rakan mereka yang tinggal dengan ibu bapa.

Grafinkel dan McLanahan, (1986) dan Hetherington, Camera & Featherman, (1983), mengatakan bahawa masalah pembelajaran adalah agak teruk bagi ibu tunggal yang miskin. Seorang anak daripada keluarga ibu tunggal yang hidup dalam kemiskinan adalah 11% hingga 26% berada di tangga belakang dalam pembelajaran di sekolah berbanding dengan kanak-kanak yang sama jantina dan kumpulan etnik yang tinggal bersama dengan kedua ibu bapa. Keluarga asas yang terdiri daripada kedua ibu bapa adalah melepassi tahap kemiskinan.

Menurut Bianchi (1984), keluarga tunggal adalah kurang efektif dari segi sosialisasi kanak-kanak ke sekolah. Ibu tunggal yang mengalami masalah di sekolah dan juga mereka yang tercicir dari sekolah mempunyai kebolehan yang terhad untuk membantu anak-anak mereka kerana tahap pendidikan mereka juga rendah. Alexander,

Entwistle & Bedinger (1994), juga mengatakan bahawa ibu tunggal mempunyai tahap ekspetasi yang rendah untuk anak mereka.

Menurut Weitz (1985), perceraian membawa penurunan kualiti dan standard kehidupan ibu-ibu tunggal. Kesukaran ekonomi menyekat kepada pencapaian dan kemajuan dalam pelajaran anak mereka di sekolah. Kebanyakan ibu tunggal tidak mampu membiayai dan menghantar anak mereka untuk pembelajaran swasta, alat permainan yang berbentuk pendidikan, buku, komputer dan kemudahan lain yang boleh membawa kepada kecemerlangan akademik. Remaja daripada keluarga ibu tunggal ini berkemungkinan terdesak untuk meninggalkan alam persekolahan (*drop-out*) lebih awal untuk mendapatkan pekerjaan.

Struktur keluarga yang diketuai oleh ibu tunggal mempunyai beberapa kekurangan di mana aspek perhubungan masa yang berkualiti dan berkuantiti berkurangan di antara anak dengan bapa yang telah diceraikan oleh ibu (Amato, 1987a dan 1987b). Ibu tunggal terpaksa bekerja kuat dan lebih masa untuk menyara keluarganya dan masa yang diluangkan bersama dengan anak adalah kurang.

Sehubungan dengan faktor ini juga, kebanyakan anak daripada keluarga tunggal mengalami kekurangan perhatian, pertolongan dan pemantauan dan ini juga menyebabkan mereka kurang terserlah di sekolah. Tambahan pula, ketiadaan role model bapa menyebabkan mereka kurang menguasai kemahiran sosial seperti kerjasama dan menyelesaikan perselisihan faham melalui perundingan. Kemahiran sosial dan rundingan sangat penting dalam dunia pekerjaan dan juga untuk memainkan peranan dalam sesuatu rumah tangga. Kekurangan perhatian daripada bapa, menyebabkan anak mengalami masalah apabila dewasa kelak dari segi mendapatkan sokongan daripada orang lain dan kesejahteraan diri sendiri.

Peterson dan Zill (1986), mengulas hasil kajian yang telah dilakukan pada tahun 1981 untuk melihat kesan perceraian ibu bapa ke atas tingkah laku anak, penyusunan hidup dan perhubungan di antara ibu bapa dan konflik keluarga. Sampel kajian yang terlibat pada tahun 1976 – 1977 telah ditemui bual semula oleh Furnstenberg dan rakan-rakannya pada tahun 1983. Seramai 1,080 kanak-kanak terlibat dan mereka telah diklasifikasikan kepada tiga kumpulan iaitu (i). kanak-kanak yang tinggal dengan kedua-dua ibu bapa (ii). mereka yang tinggal dengan ibu tunggal (iii). mereka yang tinggal dengan bapa sahaja. Hasil kajian didapati bahawa 55% anak yang tinggal dengan ibu

bapa kandung mengekalkan perhubungan yang positif dengan kedua-dua ibu bapa mereka. Hanya 25% sahaja anak daripada keluarga ibu tunggal yang mempunyai perhubungan yang positif manakala seramai 36% pula menjalinkan perhubungan yang positif dengan bapa mereka. Pengkaji merumuskan bahawa perhubungan sosial yang baik di antara ibu bapa sangat penting bagi perkembangan anak mereka.

Kajian seterusnya yang telah dijalankan oleh Hetherington dan Clingempeel (1992), mendapati remaja daripada keluarga ibu tunggal memperolehi skor yang tinggi bagi masalah tingkah laku dan skor yang rendah bagi kecekapan sosial, pencapaian akademik sepetimana juga yang dilaporkan oleh (Boyd dan Parish, 1985 dan Lewis, 1986). Remaja juga banyak mempamerkan tingkah laku devian dan mudah terpengaruh dengan tingkah laku anti-sosial akibat desakan rakan sebaya (Steinberg, 1983).

Menurut Anderson, Hetherington & Clingempeel (1989) dan Hetherington, Stanley-Hagan & Anderson (1989) dan Springer & Wallerstein (1983) dan Wallerstein & Kelly (1980), remaja yang mengalami transisi dari zaman kanak-kanak memerlukan sokongan daripada kedua-dua ibu bapanya supaya dapat menempuh perubahan tersebut

secara positif. Proses perpisahan ibu bapa merupakan perubahan transisi yang kritikal sewaktu seseorang remaja mengalami pelbagai perubahan yang berlaku ke atas dirinya.

Teori remaja secara tradisional telah menekankan kepentingan keluarga dalam proses perundingan di mana remaja melalui pelbagai transisi pada fasa tersebut, termasuk pembentukan identiti seksual seperti mana yang diperkatakan oleh Freud (1958) dan juga naluri kendiri mengikut Erickson (1968) serta dalam pembentukan peluang-peluang kehidupan masa depan dan juga dalam pembentukan nilai hidup.

Menurut Feldman dan Elliott (1990), keluarga khususnya perhubungan ibu bapa dan anak didapati boleh membantu mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh remaja pada zaman transisi tersebut. Garmezy dan Rutter (1983) dalam kajian mereka juga menunjukkan bahawa remaja dapat mengatasi pelbagai transisi perubahan dengan lebih efektif apabila terdapat zon selesa dalam keluarga mereka.

2.5 Kesimpulan

Kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji tempatan dan luar negara serta menurut pendapat-pendapat yang diketengahkan, jelas terbukti bahawa pelajar remaja sering berdepan dengan pelbagai masalah. Hasil kajian terbaru oleh Sun dan Li (2001) mendapati pergolakan keluarga memberi kesan kepada skor akademik, kesejahteraan diri, tingkah laku di sekolah dan penglibatan dengan bahan yang memudaratkan kesihatan berbanding dengan pelajar daripada keluarga asas.

Hasil kajian yang telah dijalankan jelas menunjukkan masalah yang sering dilalui oleh remaja khususnya daripada keluarga ibu tunggal. Kepincangan keluarga memberi impak yang tinggi dalam kehidupan mereka. Kekurangan belaian kasih sayang dalam keluarga ibu tunggal menyebabkan individu tersebut mengalami kekurangan kecekapan sosial, masalah psikologikal dan pencapaian akademik . Teori remaja juga menekankan peranan keluarga sangat penting dalam mengatasi zaman transisi secara efektif. Walaubagaimanapun zaman remaja mempunyai cirri-ciri psikologi dan implikasi yang tersendiri yang boleh juga dipengaruhi oleh faktor seperti persekitaran, budaya dan sosial. Gangguan tertentu yang dialami dalam perkembangan mereka mendorong kepada masalah di kalangan remaja.

Secara umumnya, sebuah institusi keluarga yang terdiri daripada kedua-dua ibu dan bapa sangat penting untuk perkembangan dan kesejahteraan individu secara menyeluruh yang merangkumi dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Apabila wujud perceraian dan perpisahan dalam sesebuah keluarga maka ini secara langsung memberi impak kepada individu yang terlibat. Justeru, keluarga yang sihat, bahagia dan harmoni sangat penting dalam kehidupan manusia sejagat.